

02 JUL 1999

SETIA HARUMAN-HASIL

SETIA HARUMAN JANGKA RM10 BLN HASIL DARIPADA CYBERJAYA

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Pemaju Cyberjaya, Setia Haruman Sdn Bhd menjangka RM10 bilion dalam hasil bagi pembangunan zon terkemukanya Cyberjaya.

Pada persidangan akhbar mengumumkan siapnya separuh pertama Fasa 1, pengurus besar kewangan korporatnya Noor Azman Yusof berkata hasil itu dijangka dihasilkan daripada jualan tanah kepada syarikat-syarikat yang akan membina bangunan-bangunan mereka sendiri untuk mengendalikan perniagaan mereka.

Katanya bahawa terdapat 28,000 unit kediaman di zon Cyberjayanya, yang mana 18,000 daripadanya akan dibangunkan oleh Setia Haruman dan selebihnya oleh pemaju-pemaju pihak ketiga.

Setia Haruman akan mulan membina 1,000 unit harta itu menjelang tahun depan, terdiri daripada pelbagai unit kediaman seperti pangsapuri, banglo, lot-lot pangsapuri dan kedai, katanya.

Pembangunan itu akan membabitkan syarikat-syarikat komponen Setia Haruman, iaitu Country Heights Holdings Bhd (CHHB) dan Menara Embun Sdn Bhd yang memiliki 25 peratus kepentingan setiap satu di dalam Setia Haruman.

Renong Bhd dan Landmarks Bhd juga memiliki 25 peratus kepentingan setiap satu di dalam Setia Haruman, katanya.

Unit-unit itu akan berada di dalam jajaran harga RM100,000 hingga RM300,000.

Beliau juga menjangka jualan tanah itu akan meningkat secara beransur-ansur tidak lama lagi memandangkan persekitaran ekonomi yang lebih baik.

"Kami pernah mendapat tempahan bernilai RM800 juta daripada syarikat-syarikat bagi tapak tanah di Cyberjaya tetapi krisis ekonomi telah menyebabkan bakal pembeli menanggungkan pembelian mereka," katanya.

Katanya mereka masih berminat, manakala ada juga syarikat yang telah memberli tanah di sini dan akan berpindah pada akhir tahun ini.

Antara mereka ialah Microsoft AS, Sime Darby dan Compaq, tambahnya.

Keseluruhannya, 50 syarikat akan mulak beroperasi di Cyberjaya menjelang akhir tahun ini daripada 18 sekarang, katanya.

Katanya Fasa 1 zon utama Cyberjaya dijangka siap menjelang tahun 2006, manakala prasarana pada tahun 2003.

Pada masa ini, 50 peratus daripada Fasa 1 telah siap enam bulan lebih awal daripada jadual, katanya.

Keseluruhan zon Cyberjaya itu dijangka siap pada tahun 2011, tambahnya.

Setia Haruman adalah sebuah syarikat konsortium, mengandungi Renong, CHHB, Landmarks dan Menara Embun dan terutamanya bertanggung jawab bagi pembangunan zon utama Cyberjaya.

Zon utama itu adalah sebahagian daripada Cyberjaya, yang mengambil 2,894 hektar daripada kawasan Cyberjaya seluas 7,000 hektar.

Cyberjaya akan dilancarkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Julai, 1999.-- BERNAMA

MFZ KTC OS